

RESEARCH ARTICLE

Pilihan Bahasa dalam Kalangan Mahasiswa di Pulau Pinang dalam Domain Keluarga dan Pendidikan

Mohd Khairid Abdul Wahab^{1*} and Dicky Wiwitan Toto Ngadiman²

¹Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

²Politeknik Tawau Sabah, KM36, Jalan Balung, 91009 Tawau, Sabah, Malaysia.

ABSTRAK – Kajian ini meninjau pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan. Kajian dilakukan dengan pengedaran borang soal selidik melalui Google Form. Seramai 164 orang responden terlibat dalam kajian ini. Pendekatan Fishman tentang pilihan bahasa mengikut domain digunakan sebagai kerangka kajian. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti taburan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan dengan menggunakan analisis Crosstab. Kajian ini turut melihat perbezaan pilihan bahasa dengan umur dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan dengan menggunakan analisis ANOVA. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan ($p < 0.05$) antara mahasiswa berumur 22 dan 23 tahun ketika berbual dengan ibu, ayah dan adik-beradik. Manakala, tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p > 0.05$) ketika berbual dengan datuk dan nenek, membentangkan tugas, berinteraksi dengan pensyarah dan menjalankan program di universiti. Dapatkan ini menunjukkan bahawa pelajar yang belajar di Universiti Sains Malaysia (USM) akan memastikan diri mereka menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa utama ketika dalam domain pendidikan. Namun, dialek-dialek Melayu menjadi pilihan dalam domain keluarga. Maka, jelaslah bahawa mahasiswa di USM dapat memilih bahasa yang bersesuaian berdasarkan konteks rasmi dan tidak rasmi ketika berinteraksi.

ARTICLE HISTORY

Received: 21 March 2024

Revised: 11 November 2024

Accepted: 21 November 2024

Published: 2 December 2024

KATA KUNCI

Domain keluarga

Domain pendidikan

Kerangka Domain

Pilihan bahasa

Sosiolinguistik

Language Choices among Students in Penang in the Domain of Family and Education

ABSTRACT – This study explores language choice according to age among students in Penang, focusing on the domains of family and education. Data were collected through a questionnaire distributed via Google Form, with a total of 164 respondents participating. Fishman's framework on language selection by domain served as the theoretical basis for this research. The study aimed to identify the distribution of language choice across different age groups using Crosstab analysis and to examine differences in language choice by age using ANOVA analysis. The findings revealed a significant difference ($p < 0.05$) in language use between students aged 22 and 23 years when communicating with their mothers, fathers, and siblings. Conversely, no significant difference ($p > 0.05$) was observed when interacting with grandparents, presenting assignments, engaging with lecturers, or participating in university programmes. These results indicate that students at Universiti Sains Malaysia (USM) predominantly use Malay or English as the primary languages in the educational domain, while Malay dialects are preferred within the family domain. The study concludes that USM students adapt their language choice based on the formal or informal context of their interactions.

KEYWORDS

Domains Framework

Education domain

Family domain

Language choice

Sociolinguistics

1.0 PENGENALAN

Sosiolinguistik, iaitu salah satu cabang linguistik, berfungsi untuk mengkaji hubungan kompleks antara bahasa dengan masyarakat yang menggunakaninya. Pendekatan ini mengambil kira bahawa bahasa merupakan sebahagian daripada realiti sosial dan kebudayaan, bukan sekadar variasi bahasa tetapi juga bagaimana ia digunakan dalam interaksi sosial (Holmes, 1993). Dalam bidang sosiolinguistik, pilihan bahasa setiap individu atau kumpulan dipengaruhi oleh sejarah keluarga, lingkungan sosial, dan identiti budaya. Justeru, analisis terhadap bagaimana penggunaan bahasa mencerminkan identiti dan bagaimana perubahan sosial mempengaruhi pilihan bahasa menjadi fokus utama dalam kajian ini. Penutur pelbagai bahasa, sama ada sedar atau tidak, sering kali menghadapi

*CORRESPONDING AUTHOR | Mohd Khairid Abdul Wahab |  mohdkhairid@usm.my

© The Author(s) 2024. Published by Universiti Malaysia PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH Publishing. This is an open-access article under the CC BY-NC 4.0 International license

keperluan untuk memilih satu kod bahasa lebih kerap daripada yang lain dalam penggunaan bahasa mereka. Pemilihan kod bahasa yang lebih sesuai membolehkan komunikasi lebih berkesan, dan ini membantu dalam membina hubungan yang baik dalam kalangan penutur (Granhemat, 2015).

Dengan memahami proses pilihan bahasa terutamanya dalam konteks keluarga dan pendidikan, maklumat berkaitan perubahan sosial, dinamika budaya, dan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai dapat diperoleh. Ini membolehkan kita untuk mengkaji secara lebih terperinci bagaimana dinamika sosial dan budaya mempengaruhi pilihan bahasa serta bagaimana bahasa mencerminkan identiti dan perubahan dalam masyarakat yang beraneka ragam.

1.1 Permasalahan Kajian

Bagi mencapai komunikasi yang berkesan, pilihan bahasa yang sesuai perlu diambil perhatian dalam kalangan mahasiswa. Setiap komunikasi yang berlaku sama ada ketika berada di kampus atau ketika bercuti di kampung perlu disampaikan dengan jelas dan bersesuaian dengan interlokutor dan konteks. Oleh hal yang demikian mereka perlu memilih satu bahasa atau bahasa-bahasa yang bersesuaian dan dapat difahami bersama oleh interlokutor yang terlibat dalam domain keluarga dan domain pendidikan.

Masalah kebahasaan dalam kalangan mahasiswa dilihat semakin mencabar terutama di Malaysia berpuncak daripada beberapa faktor. Antaranya ialah perbezaan kaum dan etnik serta kedatangan pelajar antarabangsa yang belajar di Malaysia boleh menyebabkan masalah ketika berinteraksi antara satu sama lain. Ini sejajar dengan pandangan Mohammed Azlan Mis dan Nur Syafiqah (2022) yang berpendapat kesukaran dalam memahami berbagai bahasa akan membataskan interaksi antara pihak yang berkomunikasi. Hal ini disebabkan oleh ketidakmampuan memahami satu bahasa tertentu menyebabkan salah faham, perasaan rendah diri dan menyebabkan mereka mula menjarakkan diri antara satu sama lain.

Di samping itu, pilihan bahasa mahasiswa dalam domain keluarga pula mempengaruhi pilihan bahasa mereka ketika dalam domain pendidikan. Buktinya berdasarkan dapatan kajian Mohd Khairul Abdul Wahab (2023), dialek-dialek Melayu menjadi pilihan mahasiswa yang belajar di tiga buah universiti di utara Semenanjung Malaysia dalam domain keluarga dan sebahagian domain pendidikan ketika berkomunikasi. Oleh hal yang demikian, pilihan bahasa yang sesuai akan mengurangkan masalah komunikasi dan salah faham. Dengan pilihan bahasa yang sesuai akan membolehkan mahasiswa berkomunikasi dengan sempurna dan lancar mengikut konteks tertentu.

Dalam domain pendidikan, mahasiswa perlu memastikan setiap komunikasi yang berlaku disampaikan dengan jelas dan sempurna sama ada dengan pelajar tempatan atau pelajar antarabangsa. Dalam konteks domain keluarga pula, pilihan bahasa yang bersesuaian perlu dititikberatkan bagi memastikan komunikasi yang berlangsung dengan ahli keluarga berlaku dengan harmoni khususnya apabila berada dalam lingkungan ahli keluarga yang mempunyai taraf akademik yang rendah. Di samping itu, mahasiswa juga perlu memastikan bahasa yang dipilih itu bersesuaian dengan konteks rasmi atau tidak rasmi agar mereka dapat membawa diri dengan baik walau di mana sahaja berada. Kajian ini dapat mengetahui bahasa atau bahasa-bahasa yang dipilih untuk digunakan antara mahasiswa di Universiti Sains Malaysia (USM) sepanjang semester berlangsung di kampus bersama rakan-rakan dan para pensyarah dan ketika cuti semester di kampung bersama keluarga.

1.2 Hipotesis Kajian

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan hipotesis-hipotesis berikut:

- Ho Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu semester empat dan enam di USM Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan.
- H1 Terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu semester empat dan enam di USM Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan.

1.3 Objektif

Kajian ini dijalankan dengan dua objektif utama

- Objektif 1: Mengenal pasti taburan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan dengan menggunakan analisis Crostabb
- Objektif 2: Melihat perbezaan pilihan bahasa dengan umur dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan.

1.4 Kajian Lepas

Untuk mengenal pasti pilihan bahasa dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang bagi domain keluarga dan pendidikan, pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas oleh sarjana luar negara dan tempatan. Kajian oleh Liang et al. (2024) meneliti bagaimana pelajar antarabangsa di sebuah universiti di China memilih bahasa dan membentuk identiti mereka. Melalui temu bual dengan 12 pelajar antarabangsa, kajian ini mendapati ketegangan antara norma bahasa pelajar tempatan (Cina) dan pelajar antarabangsa, terutama mengenai status bahasa Inggeris dan Cina. Pelajar antarabangsa yang terlibat dalam pembelajaran bahasa Cina sering kali perlu menyesuaikan diri dengan norma tempatan, sambil menggunakan bahasa lain seperti Perancis. Hal ini menyebabkan mereka mencipta ruang bahasa yang baru, yang mencerminkan kepelbagaiannya bahasa dan budaya. Mereka membangunkan identiti sebagai 'warganegara global', mencerminkan keinginan mereka untuk berhubung dengan pelbagai budaya dan bahasa dalam konteks antarabangsa.

Sementara itu, kajian oleh Lien (2024) mengkaji pemahaman pelajar terhadap bahasa Inggeris yang digunakan oleh pensyarah dan persepsi mereka terhadap penggunaan bahasa Vietnam dalam kelas Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (EFL). Data

dikumpulkan melalui soal selidik dan temu bual kumpulan fokus. Kajian ini mendapat bahawa tahap pemahaman bahasa Inggeris pelajar adalah rendah, tetapi mereka mempunyai sikap positif terhadap penggunaan bahasa Inggeris oleh pensyarah. Faktor utama yang mempengaruhi pemahaman dan motivasi pembelajaran pelajar termasuk perbendaharaan kata, strategi mendengar, dan amalan mendengar. Jacobs dan Renandya (2021) membincangkan cara-cara untuk memperluas pilihan pelajar dalam pendidikan bahasa dengan menekankan prinsip pembelajaran berpusatkan pelajar. Mereka mencadangkan pendekatan seperti pembacaan meluas, pembelajaran koperatif, dan penggunaan teknologi maklumat untuk memberikan lebih banyak kebebasan kepada pelajar dalam pembelajaran mereka. Artikel ini juga mengkaji teori-teori yang menyokong pilihan pelajar, termasuk kognitivisme sosial, konstruktivisme sosial, dan psikologi humanistik, yang memberikan pelajar lebih banyak pilihan, meningkatkan motivasi dan keterlibatan mereka dalam proses pembelajaran.

Kajian oleh Alisaari et al. (2021) mengkaji pandangan guru-guru di Finland mengenai polisi bahasa di rumah dalam kalangan keluarga pendatang. Kajian ini mendapat bahawa majoriti guru (53.3%) percaya ibu bapa seharusnya bercakap dalam bahasa pertama mereka di rumah, sementara 31.7% percaya bahawa kedua-dua bahasa pertama dan bahasa pengajaran harus digunakan. Hanya sebilangan kecil guru yang percaya bahawa hanya bahasa Finland harus digunakan di rumah. Justifikasi guru-guru ini mencerminkan orientasi dalam perancangan bahasa yang dikemukakan oleh Ruiz (1984), termasuk bahasa-sebagai-hak, bahasa-sebagai-sumber, dan bahasa-sebagai-masalah, dengan kebanyakan guru menunjukkan orientasi bahasa-sebagai-sumber. Ini menunjukkan bahawa pandangan guru-guru selaras dengan pendekatan pendidikan semasa yang menyokong multilingualisme.

Kajian Mohd Khairul Abdul Wahab (2023) memfokuskan pilihan bahasa pelajar IPTA di Pulau Pinang, Kedah, dan Perlis. Berdasarkan kajian lapangan yang melibatkan 400 responden, majoriti pelajar memilih bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam domain pendidikan, keluarga, dan jual beli. Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu masih dominan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), walaupun bahasa Inggeris dianggap lebih efektif untuk kerjaya. Kajian Widad Abdul Ghafar (2017) pula meneliti pilihan bahasa 30 pelajar ESL berbangsa Melayu dari Kelantan, Terengganu, dan Kedah. Bahasa Inggeris digunakan secara meluas dalam domain universiti dan rangkaian sosial, manakala dialek tempatan mendominasi di rumah. Menariknya, penggunaan bahasa Inggeris tidak memberi kesan besar terhadap identiti pelajar, yang lebih dipengaruhi oleh latar belakang budaya dan kebanggaan terhadap warisan. Tam Lee Mei et al. (2016) mengkaji pilihan bahasa pensyarah universiti awam dalam domain pendidikan. Kajian melibatkan 200 responden ini mendapat pensyarah cenderung memilih bahasa Inggeris dalam pendidikan formal dan tidak formal. Pilihan bahasa turut dipengaruhi oleh etnik dan bidang pengajaran. Kajian ini juga menegaskan kejayaan dasar pendidikan dalam mengukuhkan kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran tanpa mengabaikan peranan bahasa Melayu. Kajian Granhemat (2015) meneliti pilihan bahasa pelajar pra-siswazah di universiti awam dalam lima domain: pendidikan, keluarga, persahabatan, agama, dan jual beli. Kajian mendapat pelajar muda di Malaysia mahir dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Faktor usia, pendidikan, dan etnik mempengaruhi pilihan bahasa, terutama dalam domain pendidikan dan agama. Namun, faktor jantina tidak memainkan peranan yang signifikan.

Berdasarkan kajian lepas, pilihan bahasa adalah sesuatu yang sangat penting khususnya bagi mahasiswa yang belajar di universiti di Malaysia. Terdapat ruang untuk bidang ini diterokai dengan lebih mendalam oleh penyelidik seterusnya kerana masih belum terdapat pengkaji lain yang membuat kajian berkaitan isu ini. Oleh itu, ternyata kajian ini dapat memenuhi keperluan kajian kebahasaan dalam mengenal pasti pilihan bahasa yang bersesuaian agar mahasiswa di Malaysia menitikberatkan pilihan bahasa yang bersesuaian mengikut konteks.

1.5 Kerangka Domain dan Pilihan Bahasa

Fishman (1972) telah menggagaskan kerangka domain dan pilihan bahasa melalui kajian berkaitan komuniti Puerto Rico di New York. Dalam konteks komunikasi, faktor seperti topik perbualan, peserta dan lokasi mendorong kepada pemilihan bahasa seseorang individu atau komuniti seterusnya membentuk situasi komunikasi yang dikenali sebagai mandala (Dilah Tuah et al 2021). Terdapat lima domain yang diperkenalkan oleh Fishman iaitu keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, dan pekerjaan. Namun begitu, kajian ini menumpukan kepada domain keluarga dan pendidikan sahaja. Domain keluarga dan pendidikan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pilihan bahasa dalam kalangan mahasiswa.

Menurut Fishman (1972), keluarga adalah konteks utama di mana individu mempelajari bahasa dan membentuk identiti linguistik awal mereka. Kajian oleh Fishman menunjukkan bahawa penggunaan bahasa dalam keluarga mempengaruhi pilihan bahasa mahasiswa dalam konteks akademik, dengan keluarga yang menggunakan pelbagai bahasa memberi impak terhadap kebolehan mahasiswa menyesuaikan diri dalam persekitaran pendidikan. Sementara itu, domain pendidikan adalah penting kerana ia melibatkan penggunaan bahasa dalam pembelajaran dan interaksi akademik. Pilihan bahasa dalam bilik kuliah mempengaruhi keberkesanannya komunikasi dan kefahaman akademik. Dengan menumpukan pada domain keluarga dan pendidikan, kajian ini dapat menilai bagaimana pengaruh bahasa keluarga membentuk sikap mahasiswa terhadap bahasa akademik dan bagaimana pilihan bahasa dalam konteks pendidikan mempengaruhi prestasi dan pengalaman mereka di universiti.

2.0 METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian sosiolinguistik yang menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan melalui pengedaran borang soal selidik secara dalam talian dengan menggunakan perisian Google Form kepada responden. Kaedah ini menggunakan pautan yang tersedia dan dikongsikan secara dalam talian melalui aplikasi WhatsApp bagi mendapatkan jumlah responden yang ditetapkan.

2.1 Populasi dan Sampel

Pemilihan populasi mahasiswa bermajor bahasa Melayu bagi kajian ini adalah berdasarkan kepentingan untuk memahami pilihan bahasa dalam kalangan individu yang secara langsung terlibat dalam pengajaran bahasa tersebut. Mahasiswa major bahasa Melayu mempunyai latar belakang akademik dan pengetahuan yang mendalam mengenai bahasa, budaya, dan dinamika linguistik yang berkaitan. Oleh itu, mereka adalah kelompok yang relevan untuk dijadikan sampel bagi kajian ini kerana mereka bukan sahaja menggunakan Bahasa Melayu dalam konteks akademik, tetapi juga dalam kehidupan harian, yang memungkinkan pemerhatian yang lebih tepat terhadap pola pilihan bahasa mereka dalam kedua-dua domain ini. Penggunaan formula Krejcie dan Morgan (1970) mengesahkan bahawa sampel seramai 164 orang daripada populasi 300 adalah mencukupi, sejajar dengan pandangan Roscoe (1975) yang mencadangkan saiz sampel dalam julat 30 hingga 500 orang sesuai untuk kebanyakan kajian. Justeru, pemilihan mahasiswa bermajor Bahasa Melayu sebagai sampel kajian ini bukan sahaja memastikan keterwakilan yang tepat tetapi juga memberikan hasil yang bermakna dalam konteks kajian mengenai pilihan bahasa.

2.2 Instrumen Kajian

Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini meliputi pertimbangan kebolehpercayaan instrumen kajian. Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan atau kestabilan keputusan pentaksiran (Azizi Ahmad dan Mohd Isha Awang, 2008). Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menjalankan kajian rintis melibatkan seramai 30 orang responden. Tujuan kajian rintis dijalankan untuk melihat nilai pekali Cronbach Alpha instrumen secara keseluruhan dan juga nilainya pada setiap konstruk. Dapatkan kajian rintis menunjukkan nilai Cronbach Alpha melebihi 0.80, iaitu 0.87. Nilai ini menunjukkan darjah kebolehpercayaan yang sangat baik (Azizi Yahaya et. al, 2016). Dari segi reka bentuk soal selidik kajian, borang soal selidik ini mengandungi maklumat responden dan pilihan bahasa dalam domain keluarga dan pendidikan. Perincian domain keluarga dan pendidikan yang dikaji adalah seperti berikut.

Jadual 1

Perincian domain keluarga dan pendidikan dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang

Domain	Aspek
Keluarga	Pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang ketika berbual dengan datuk dan nenek.
	Pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang ketika berbual dengan ibu dan ayah.
	Pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang ketika berbual dengan adik-beradik.
Pendidikan	Pilihan bahasa mengikut umur semasa membentangkan tugas dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang.
	Pilihan bahasa mengikut umur semasa berinteraksi dengan pensyarah dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang.
	Pilihan bahasa mengikut umur semasa menjalankan program di universiti dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang.

Tiga item dalam domain keluarga memfokuskan pemilihan bahasa responden kajian ketika berbual dengan datuk dan nenek, pemilihan bahasa ketika berbual dengan ibu dan ayah, dan pemilihan bahasa ketika berbual dengan adik-beradik. Tiga item dalam domain pendidikan pula memfokuskan pemilihan bahasa responden kajian ketika membentangkan tugas, berinteraksi dengan pensyarah, dan ketika menjalankan program di universiti.

Dapatkan daripada soal selidik kemudiannya akan dianalisis untuk mengenal pasti taburan pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan dengan menggunakan analisis Crostabb. Seterusnya, data tersebut juga akan dianalisis dengan menggunakan ANOVA untuk mengenal pasti perbezaan kecenderungan pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan sama ada signifikan atau tidak.

3.0 DAPATAN

Analisis pilihan bahasa dalam domain keluarga dan pendidikan melibatkan seramai 164 orang mahasiswa major bahasa Melayu di USM. Berikut merupakan dapatan umur, tahap pendidikan dan lokasi kajian.

Jadual 2

Perincian umur, tahap pendidikan dan lokasi kajian mahasiswa major Bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang

Kriteria	Kategori	Bilangan	Peratus (%)
Umur	22 (semester empat)	91	55.48
	23 (semester enam)	73	44.51
Tahap Pendidikan	Sarjana Muda (Major BM)	164	100
Lokasi Kajian	Universiti Sains Malaysia	164	100

Dari segi umur, semua responden adalah berusia 22 dan 23 tahun. Seramai 91 orang (55.48%) daripada mereka berumur 22 tahun (semester empat) dan baki 73 orang (44.51%) lagi berumur 23 tahun (semester enam). Kesemua responden, iaitu 164 orang (100%) merupakan pelajar ijazah sarjana muda bermajor bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Majoriti responden terdiri daripada pelajar berbangsa Melayu dan jumlah kaum yang lain agak kecil. Oleh sebab itu, kajian ini hanya menumpukan pemilihan bahasa mengikut umur pelajar yang sedang berada di semester empat (22 tahun) dan di semester enam (23 tahun).

3.1 Pilihan Bahasa Mengikut Umur dalam Kalangan Mahasiswa Major Bahasa Melayu di Pulau Pinang dalam Domain Keluarga

Analisis pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang dalam domain keluarga, iaitu pilihan bahasa ketika berbual dengan datuk dan nenek, pilihan bahasa ketika berbual dengan ibu dan bapa, dan pilihan bahasa ketika berbual dengan adik-beradik.

3.1.1 Domain Keluarga: Pilihan Bahasa Mengikut Umur dalam Kalangan Mahasiswa Major Bahasa Melayu di Pulau Pinang Ketika Berbual Dengan Datuk dan Nenek

Berikut merupakan taburan pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berbual dengan datuk dan nenek.

Jadual 3

Pilihan bahasa mengikut umur ketika berbual dengan datuk dan nenek

Pilihan Bahasa	Bahasa Melayu	Bahasa Mandarin	Bahasa Tamil	Dialek-dialek	Jumlah
Umur	22 tahun (Sem 4)	19	1	2	69
	23 tahun (Sem 6)	28	3	1	41
Jumlah Keseluruhan	47	4	3	110	164

Jadual 3 menunjukkan data pilihan bahasa mengikut umur ketika berbual dengan datuk dan nenek dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 47 orang responden menggunakan bahasa Melayu iaitu dengan taburan 19 orang berusia 22 tahun dan 28 orang berusia 23 tahun. Terdapat 4 orang dengan taburan 2 orang berusia 22 tahun dan 3 orang berusia 23 tahun yang menggunakan bahasa Mandarin. Hanya terdapat 3 orang sahaja menggunakan bahasa Tamil, iaitu 2 orang yang berusia 22 tahun dan 1 orang berusia 23 tahun. Baki selebihnya ialah 110 orang menggunakan dialek-dialek, iaitu 69 orang berusia 22 tahun dan 41 orang lagi berusia 23 tahun. Justeru, dapat dirumuskan bahawa pilihan bahasa mengikut umur ketika berbual dengan datuk dan nenek adalah seperti berikut:

Mahasiswa berumur 22 tahun (semester empat)

Dialek-dialek > BM > B. Tamil > B. Mandarin

Mahasiswa berumur 23 tahun (semester enam)

Dialek-dialek > BM > B. Mandarin > B. Tamil

Berdasarkan analisis pilihan bahasa dalam perbualan dengan datuk dan nenek, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan ketara dalam penggunaan bahasa mengikut umur. Mahasiswa berumur 22 tahun yang berada di semester empat cenderung memilih penggunaan dialek-dialek tempatan terlebih dahulu, diikuti dengan Bahasa Melayu (BM), dan kemudian Bahasa Tamil dan Mandarin. Sebaliknya, mahasiswa berumur 23 tahun yang berada di semester enam menunjukkan kecenderungan untuk menggunakan dialek-dialek tempatan dan Bahasa Melayu, namun mereka lebih cenderung menggunakan Bahasa Mandarin berbanding Bahasa Tamil. Perbezaan ini mungkin mencerminkan perubahan dalam keutamaan dan kebiasaan bahasa mahasiswa seiring dengan peningkatan usia dan pengalaman akademik mereka.

Jadual 4 dan Jadual 5 di bawah pula merupakan analisis dan keputusan ujian ANOVA kecenderungan pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berbual dengan datuk dan nenek.

Jadual 4

Analisis ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berbual dengan datuk dan nenek

Umur	N	Min	Sisihan Piawai
22 tahun (Sem 4)	91	3.33	1.23
23 tahun (Sem 6)	73	2.75	1.45
Jumlah	164	4.1062	1.35

Jadual 5

Keputusan ujian ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berbual dengan datuk dan nenek

	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan (df)	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	13.450	1	13.450	7.574	.062
Dalam Kumpulan	287.672	162	1.776		
Jumlah	301.122	163			

Berdasarkan jadual tersebut, didapati tidak ada perbezaan yang signifikan pada skor min kecenderungan pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu semester empat dan enam di USM Pulau Pinang ketika berbual dengan datuk dan nenek $F(1, 162) = 7.574; p>0.05$. Terdapat perbezaan min antara umur ketika berbual dengan datuk dan nenek ($M_{22}=3.33; M_{23}=2.75$), tetapi tidak begitu ketara.

3.1.2 Domain Keluarga: Pilihan Bahasa Mengikut Umur dalam Kalangan Mahasiswa Major Bahasa Melayu di Pulau Pinang Ketika Berbual Dengan Ibu dan Ayah

Berikut merupakan taburan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang ketika berbual dengan ibu dan ayah.

Jadual 6

Pilihan bahasa mengikut umur ketika berbual dengan ibu dan ayah

	Pilihan Bahasa	Bahasa Melayu	Bahasa Mandarin	Bahasa Tamil	Dialek-dialek	Bahasa Inggeris	Jumlah
Umur	22 tahun (Sem 4)	21	3	2	63	2	91
	23 tahun (Sem 6)	33	1	1	38	0	73
	Jumlah Keseluruhan	54	4	3	101	2	164

Jadual 6 menunjukkan data pilihan bahasa mengikut umur ketika berbual dengan ibu dan ayah dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 54 orang responden menggunakan bahasa Melayu iaitu dengan taburan 21 orang berusia 22 tahun dan 33 orang berusia 23 tahun. Terdapat 4 orang dengan taburan 3 orang berusia 22 tahun dan 1 orang berusia 23 tahun yang menggunakan bahasa Mandarin. Hanya terdapat 3 orang sahaja menggunakan bahasa Tamil, iaitu 2 orang yang berusia 22 tahun dan 1 orang berusia 23 tahun. Kemudian, 101 orang menggunakan dialek-dialek, iaitu 63 orang berusia 22 tahun dan 38 orang berusia 23 tahun. Selebihnya iaitu 2 orang menggunakan bahasa Inggeris dan mereka adalah mahasiswa yang berumur 22 tahun. Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa pilihan bahasa mengikut umur ketika berbual dengan ibu dan ayah adalah seperti berikut:

Mahasiswa berumur 22 tahun (semester empat)

Dialek-dialek > BM > B. Mandarin > B. Tamil = B. Inggeris

Mahasiswa berumur 23 tahun (semester enam)

Dialek-dialek > BM > B. Mandarin = B. Tamil

Berdasarkan data ketika berbual dengan ibu dan ayah, dapat dirumuskan bahawa mahasiswa berumur 22 tahun (semester empat) lebih cenderung menggunakan dialek-dialek tempatan, diikuti oleh bahasa Melayu (BM), kemudian bahasa Mandarin, dan seterusnya bahasa Tamil serta bahasa Inggeris dalam jumlah yang sama. Sebaliknya, mahasiswa berumur 23 tahun (semester enam) menunjukkan kecenderungan utama untuk menggunakan dialek-dialek tempatan, diikuti oleh bahasa Melayu, dan kemudian bahasa Mandarin serta bahasa Tamil dalam kadar yang sama.

Jadual 7 dan Jadual 8 di bawah pula merupakan analisis dan keputusan ujian ANOVA kecenderungan pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang ketika berbual dengan ibu dan ayah.

Jadual 7

Analisis ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berbual dengan ibu dan ayah

Umur	N	Min	Sisihan Piawai
22 (Sem 4)	91	3.24	1.30
23 (Sem 6)	73	2.60	1.48
Jumlah	164	2.96	1.42

Jadual 8

Keputusan ujian ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berbual dengan ibu dan ayah

	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan (df)	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	16.540	1	16.540	8.584	.004
Dalam Kumpulan	312.161	162	1.927		
Jumlah	328.701	163			

Berdasarkan jadual tersebut, terdapat perbezaan yang signifikan skor min kecenderungan pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang ketika berbual dengan ibu dan ayah ($F(1,162) = 8.584$; $p<0.05$). Terdapat perbezaan min antara umur ketika berbual dengan ibu dan ayah, iaitu ($M_{22}=3.24$; $M_{23}=2.60$).

3.1.3 Domain Keluarga: Pilihan Bahasa Mengikut Umur dalam Kalangan Mahasiswa Major Bahasa Melayu di Pulau Pinang Ketika Berbual Dengan Adik-beradik

Berikut merupakan taburan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berbual dengan adik beradik.

Jadual 9

Pilihan bahasa mengikut umur ketika berbual dengan adik-beradik

Pilihan Bahasa	Bahasa Melayu	Bahasa Mandarin	Bahasa Tamil	Dialek-dialek	Bahasa Inggeris	Jumlah
Umur	22 tahun (Sem 4)	25	3	2	59	2
	23 tahun (Sem 6)	33	3	0	36	1
Jumlah Keseluruhan	58	6	2	95	3	164

Jadual 9 menunjukkan data pilihan bahasa mengikut umur ketika berbual dengan adik-beradik dalam kalangan mahasiswa di USM, Pulau Pinang. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 58 orang responden menggunakan bahasa Melayu iaitu dengan taburan 25 orang berusia 22 tahun dan 33 orang berusia 23 tahun. Terdapat 6 orang dengan taburan masing-masing berusia 22 tahun dan 23 tahun yang menggunakan bahasa Mandarin berjumlah 6 orang. Hanya 2 orang sahaja menggunakan bahasa Tamil, iaitu kedua-duanya berusia 22 tahun. Kemudian, 95 orang menggunakan dialek-dialek, iaitu 59 orang berusia 22 tahun dan 36 orang berusia 23 tahun. Selebihnya ialah 3 orang menggunakan bahasa Inggeris, iaitu 2 orang berumur 22 tahun dan 1 orang berumur 23 tahun. Justeru, dapat dirumuskan bahawa pilihan bahasa mengikut umur ketika berbual dengan adik-beradik adalah seperti berikut:

- Mahasiswa berumur 22 tahun (semester empat)
- Dialek-dialek > BM > B. Mandarin > B. Inggeris > B. Tamil**
- Mahasiswa berumur 23 tahun (semester enam)
- Dialek-dialek > BM > B. Mandarin > B. Inggeris**

Pilihan bahasa mengikut umur ketika berbual dengan adik-beradik menunjukkan bahawa mahasiswa berumur 22 tahun (semester empat) lebih cenderung menggunakan dialek-dialek tempatan sebagai pilihan utama, diikuti oleh bahasa Melayu, bahasa Mandarin, bahasa Inggeris, dan akhirnya bahasa Tamil. Sebaliknya, mahasiswa berumur 23 tahun (semester enam) menunjukkan keutamaan utama untuk menggunakan dialek-dialek tempatan, diikuti oleh bahasa Melayu, bahasa Mandarin, dan bahasa Inggeris, tanpa menggunakan bahasa Tamil.

Jadual 10 dan Jadual 11 di bawah pula merupakan analisis dan keputusan ujian ANOVA kecenderungan pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berbual dengan adik-beradik.

Jadual 10

Analisis ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berbual dengan adik-beradik

Umur	N	Min	Sisihan Piawai
22 (Sem 4)	91	3.11	1.37
23 (Sem 6)	73	2.58	1.49
Jumlah	164	2.87	1.49

Jadual 11

Keputusan ujian ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berbual dengan adik-beradik

	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan (df)	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	11.574	1	11.574	5.699	0.018
Dalam Kumpulan	330.737	162	2.042		
Jumlah	342.311	163			

Berdasarkan jadual tersebut, terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min kecenderungan pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang ketika berbual dengan adik beradik ($F(1, 162) = 5.699$; $p<0.05$). Terdapat perbezaan min antara umur ketika berbual dengan adik beradik, iaitu ($M_{22}=3.11$; $M_{23}=2.58$).

3.2 Pilihan Bahasa Mengikut Umur dalam Kalangan Mahasiswa Major Bahasa Melayu di Pulau Pinang dalam Domain Pendidikan

Analisis pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa di major bahasa Melayu USM, Pulau Pinang dalam domain pendidikan, iaitu pilihan bahasa ketika membentangkan tugas, pilihan bahasa ketika berinteraksi dengan pensyarah dan pilihan bahasa ketika menjalankan program di universiti.

3.2.3 Domain Pendidikan: Pilihan bahasa Mengikut Umur Semasa Membentangkan Tugas

Jadual berikut merupakan taburan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika membentangkan tugas.

Jadual 12

Pilihan bahasa mengikut umur ketika membentangkan tugas

Pilihan Bahasa	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Jumlah
Umur	22 tahun (Sem 4)	90	1
	23 tahun (Sem 6)	69	4
Jumlah Keseluruhan	159	5	164

Jadual 12 menunjukkan data pilihan bahasa mengikut umur ketika membentangkan tugas dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di USM, Pulau Pinang. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 159 orang responden menggunakan bahasa Melayu iaitu dengan taburan 90 orang berusia 22 tahun dan 69 orang berusia 23 tahun. Hanya terdapat 5 orang yang menggunakan bahasa Inggeris, iaitu 1 orang berusia 22 tahun dan 4 orang berusia 23 tahun. Justeru, dapat dirumuskan bahawa pilihan bahasa mengikut umur ketika membentangkan tugas adalah seperti berikut:

Mahasiswa berumur 22 tahun (semester empat)

BM > B. Inggeris

Mahasiswa berumur 23 tahun (semester enam)

BM > B. Inggeris

Pilihan bahasa mengikut umur ketika membentangkan tugas menunjukkan bahawa mahasiswa berumur 22 tahun (semester empat) cenderung menggunakan bahasa Melayu sebagai pilihan utama, diikuti oleh bahasa Inggeris. Begitu juga, mahasiswa berumur 23 tahun (semester enam) menunjukkan keutamaan yang sama, dengan bahasa Melayu sebagai pilihan utama, diikuti oleh bahasa Inggeris.

Jadual 13 dan Jadual 14 di bawah menunjukkan analisis dan keputusan ujian ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika membentangkan tugas.

Jadual 13

Analisis ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika membentangkan tugas

Umur	N	Min	Sisihan Piawai
22 tahun (Sem 4)	91	1.04	0.41
23 tahun (Sem 6)	73	1.22	0.91
Jumlah	164	1.12	0.69

Jadual 14

Keputusan ujian ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau pinang ketika membentangkan tugas

	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan (df)	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	1.244	1	1.244	2.640	0.106
Dalam Kumpulan	76.317	162	0.471		
Jumlah	77.561	163			

Berdasarkan jadual berikut didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min kecenderungan pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika membentangkan tugasan ($F(1, 162) = 2.640$; $p>0.05$). Terdapat perbezaan min antara umur, iaitu ($M:22=1.04; M:23=1.22$) namun tidak begitu ketara.

3.2.4 Domain Pendidikan: Pilihan Bahasa Mengikut Umur Semasa Berinteraksi Dengan Pensyarah

Berikut merupakan taburan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berinteraksi dengan pensyarah.

Jadual 15

Pilihan bahasa mengikut umur ketika berinteraksi dengan pensyarah

Pilihan Bahasa		Bahasa Melayu	Dialek-dialek	Bahasa Inggeris	Jumlah
Umur	22 tahun (Sem 4)	88	0	3	91
	23 tahun (Sem 6)	68	1	4	73
Jumlah Keseluruhan		156	1	7	164

Jadual 15 menunjukkan data pilihan bahasa mengikut umur ketika berinteraksi dengan pensyarah dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 156 orang responden menggunakan bahasa Melayu iaitu dengan taburan 88 orang berusia 22 tahun dan 68 orang berusia 23 tahun. Hanya 1 orang menggunakan dialek dan responden tersebut berusia 23 tahun. Manakala, baki 7 orang lagi menggunakan bahasa Inggeris, iaitu 3 orang berusia 22 tahun dan 4 orang berusia 23 tahun. Justeru, dapat dirumuskan bahawa pilihan bahasa mengikut umur ketika berinteraksi dengan pensyarah adalah seperti berikut:

Mahasiswa berumur 22 tahun (semester empat)

BM > B. Inggeris

Mahasiswa berumur 23 tahun (semester enam)

BM > B. Inggeris > Dialek-dialek

Pilihan bahasa mengikut umur ketika berinteraksi dengan pensyarah menunjukkan bahawa mahasiswa berumur 22 tahun (semester empat) cenderung menggunakan Bahasa Melayu (BM) sebagai pilihan utama, diikuti oleh Bahasa Inggeris. Sebaliknya, mahasiswa berumur 23 tahun (semester enam) menunjukkan keutamaan untuk menggunakan Bahasa Melayu (BM), diikuti oleh Bahasa Inggeris, dan kemudian dialek-dialek tempatan.

Jadual 16 dan Jadual 17 di bawah menunjukkan analisis dan keputusan ujian ANOVA kecenderungan pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berinteraksi dengan pensyarah.

Jadual 16

Analisis ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berinteraksi dengan pensyarah

Umur	N	Min	Sisihan Piawai
22 tahun (Sem 4)	91	1.13	0.71
23 tahun (Sem 6)	73	1.26	0.97
Jumlah	164	1.19	0.84

Jadual 17

Keputusan ujian ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berinteraksi dengan pensyarah

	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan (df)	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	0.668	1	0.668	0.945	0.332
Dalam Kumpulan	114.472	162	0.707		
Jumlah	115.140	163			

Berdasarkan Jadual 17, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika berinteraksi dengan pensyarah ($F(1, 162) = 0.945$; $p>0.05$). Namun, terdapat perbezaan min antara umur, iaitu ($M_{22}=1.13; M_{23}=1.26$) walaupun tidak begitu ketara.

3.2.5 Domain Pendidikan: Pilihan Bahasa Mengikut Umur Semasa Menjalankan Program di Universiti

Jadual berikut merupakan taburan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika menjalankan program di universiti.

Jadual 18

Pilihan bahasa mengikut umur ketika menjalankan program di universiti

	Pilihan Bahasa	Bahasa Melayu	Dialek-dialek	Bahasa Inggeris	Jumlah
Umur	22 tahun (Sem 4)	89	0	2	91
	23 tahun (Sem 6)	68	1	4	73
	Jumlah Keseluruhan	157	1	6	164

Jadual 18 menunjukkan data pilihan bahasa mengikut umur ketika menjalankan program di universiti dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 157 orang responden menggunakan bahasa Melayu iaitu dengan taburan 89 orang berusia 22 tahun dan 68 orang berusia 23 tahun. Hanya 1 orang menggunakan dialek dan responden tersebut berusia 23 tahun. Manakala, baki 6 orang lagi menggunakan bahasa Inggeris, iaitu 2 orang berusia 22 tahun dan 4 orang berusia 23 tahun. Justeru, dapat dirumuskan bahawa pilihan bahasa mengikut umur ketika menjalankan program di universiti adalah seperti berikut:

Mahasiswa berumur 22 tahun (semester empat)

BM > B. Inggeris

Mahasiswa berumur 23 tahun (semester enam)

BM > B. Inggeris > Dialek-dialek

Pilihan bahasa mengikut umur ketika menjalankan program di universiti menunjukkan bahawa mahasiswa berumur 22 tahun (semester empat) cenderung menggunakan bahasa Melayu sebagai pilihan utama, diikuti oleh bahasa Inggeris. Sebaliknya,

mahasiswa berumur 23 tahun (semester enam) menunjukkan keutamaan untuk menggunakan bahasa Melayu , diikuti oleh bahasa Inggeris, dan kemudian dialek-dialek tempatan.

Jadual 19 dan Jadual 20 di bawah menunjukkan analisis dan keputusan ujian ANOVA kecenderungan pemilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika menjalankan program di universiti.

Jadual 19

Analisis ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika menjalankan program di universiti

Umur	N	Min	Sisihan Piawai
22 tahun	91	1.09	0.59
23 tahun	73	1.26	0.97
Jumlah	164	1.16	0.78

Jadual 20

Keputusan ujian ANOVA kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major Bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika menjalankan program di universiti

	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan (df)	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	1.203	1	1.203	1.962	0.163
Dalam Kumpulan	99.351	162	0.613		
Jumlah	100.555	163			

Berdasarkan jadual tersebut, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min kecenderungan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang ketika menjalankan program di universiti ($F(1, 162) = 1.962$; $p>0.05$). Namun, terdapat perbezaan min antara umur, iaitu ($M_{22}=1.09; M_{23}=1.26$) tetapi tidak begitu ketara.

4.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan pilihan bahasa mengikut umur dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di Pulau Pinang dalam domain yang dikaji, perbincangan dirumuskan seperti di bawah.

Jadual 21

Pilihan bahasa mahasiswa berumur 22 tahun dalam domain keluarga

DK	BM	Dialek-dialek	B. Mandarin	B. Tamil	BI
Datuk dan nenek	✓	✓	✓	✓	X
Ibu dan ayah	✓	✓	✓	✓	✓
Adik-beradik	✓	✓	✓	✓	✓
Subdomain	3 subdomain	3 subdomain	3 subdomain	3 subdomain	2 subdomain

Petunjuk: DK=Domain Keluarga

Jadual 22

Pilihan bahasa mahasiswa berumur 23 tahun dalam domain keluarga

DK	BM	Dialek-dialek	B. Mandarin	B. Tamil	BI
Datuk dan nenek	✓	✓	✓	✓	X
Ibu dan ayah	✓	✓	✓	✓	X
Adik-beradik	✓	✓	✓	X	✓
Subdomain	3 subdomain	3 subdomain	3 subdomain	2 subdomain	1 subdomain

Petunjuk: DK=Domain Keluarga

Berdasarkan Jadual 21 dan Jadual 22, bahasa Melayu, dialek-dialek Melayu, dan bahasa Mandarin menjadi bahasa pilihan mahasiswa berumur 22 (semester 4) dan 23 tahun (semester 6) di USM, Pulau Pinang dalam domain keluarga. Dapatkan kajian ini menyarankan bahawa pemilihan ketiga-tiga bahasa tersebut sesuai digunakan secara berselang-seli ketika berinteraksi dengan datuk dan nenek, ibu dan ayah, serta adik-beradik kerana ia mencerminkan kesesuaian bahasa dengan konteks interaksi yang berbeza. Penggunaan bahasa yang berbeza dapat memenuhi keperluan komunikasi yang berbeza dalam setiap hubungan keluarga, serta membantu dalam memudahkan interaksi dan mewujudkan kemesraan antara ahli keluarga. Dapatkan ini secara tidak langsung menyokong kajian Saidatul Nornis Mahali et al. (2022), iaitu gandingan lebih dua bahasa mampu mewujudkan kemesraan dan keselesaan sesama ahli keluarga, khususnya keluarga yang mempunyai ahli yang berbeza keturunan.

Dalam konteks domain keluarga, pilihan penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi lanjut usia menunjukkan bahawa mereka adalah penutur jati bahasa tersebut. Generasi ini menggunakan bahasa ibunda sepenuhnya untuk berkomunikasi, baik di dalam maupun di luar rumah. Walaupun mereka mungkin tidak mendapat pendidikan formal, mereka masih mampu memahami dan bertutur dalam bahasa Melayu. Ini menunjukkan betapa pentingnya bahasa ibunda dalam mengekalkan ikatan kekeluargaan dan budaya, serta bagaimana kepelbagaiannya dapat mempermudah interaksi dalam keluarga (Berawati Renddan et al., 2020). Kajian oleh Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz (2019) memperlihatkan bagaimana bahasa Melayu kolokial tidak hanya penting dalam konteks sosial tetapi juga dalam lingkungan keluarga. Kajian ini menunjukkan bahawa walaupun masyarakat Melayu Singapura menghadapi cabaran bilingualisme, penggunaan bahasa Melayu kolokial di dalam rumah membantu memelihara dan mempertahankan identiti budaya dan hubungan kekeluargaan. Bahasa kolokial, dengan kebebasannya daripada peraturan tatabahasa formal, membolehkan penutur mengekspresikan diri dengan lebih bebas dan dekat dengan ahli keluarga.

Jadual 23

Pilihan bahasa mahasiswa berumur 22 tahun dalam domain pendidikan

DP	BM	Dialek-dialek	B. Mandarin	B. Tamil	BI
Bentang tugas	✓	X	X	X	✓
Interaksi dengan pensyarah	✓	X	X	X	✓
Program universiti	✓	X	X	X	✓
Subdomain	3 subdomain	0 subdomain	0 subdomain	0 subdomain	3 subdomain

Petunjuk: DP=Domain Pendidikan

Jadual 24

Pilihan bahasa mahasiswa berumur 23 tahun dalam domain pendidikan

DP	BM	Dialek-dialek	B. Mandarin	B. Tamil	BI
Bentang tugas	✓	X	X	X	✓
Interaksi dengan pensyarah	✓	✓	X	X	✓
Program universiti	✓	✓	X	X	✓
Subdomain	3 subdomain	2 subdomain	0 subdomain	0 subdomain	3 subdomain

Petunjuk: DP=Domain Pendidikan

Selanjutnya, Jadual 23 dan Jadual 24 memaparkan rumusan pilihan bahasa mahasiswa berumur 22 (semester 4) dan 23 tahun (semester 6) dalam domain pendidikan. Kajian mendapat mahasiswa berumur 22 (semester 4) dan 23 tahun (semester 6) di USM memilih bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ketika membentangkan tugas, berinteraksi dengan pensyarah dan menjalankan program di universiti. Dapatkan kajian ini menyarankan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan dapat difahami oleh majoriti pelajar di USM. Bahasa Inggeris pula digunakan ketika berinteraksi dengan pensyarah atau pelajar antarabangsa. Justifikasi responden kajian memilih bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam domain pendidikan kerana mereka merupakan mahasiswa dalam major linguistik bahasa Melayu. Di samping bakal menjadi guru bahasa Melayu responden kajian juga sentiasa dititikberatkan oleh pensyarah untuk menggunakan bahasa Melayu dengan baik khususnya dalam domain pendidikan. Dalam menyokong pernyataan ini, penyelidik merujuk kepada pelbagai dasar yang disusun oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan status bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu, dalam bidang pendidikan di negara ini. Antaranya, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Bahasa Kebangsaan meneckankan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan dan peranan guru serta pensyarah dalam memartabatkan bahasa ini.

Selain itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013) dan Dasar Pengajaran Tinggi Negara (2023) juga memberikan strategi dan garis panduan untuk meningkatkan penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu dalam pendidikan tinggi. Pelaksanaan pelbagai program di seluruh negara telah membuktikan kesungguhan dalam usaha ini, dan adalah tanggungjawab semua pihak, terutamanya para guru dan pensyarah, untuk memastikan matlamat ini tercapai (Khairul Nizam Mohamed Zuki, 2017). Ini sejajar dengan pandangan Alis Putih (2015) Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan Malaysia sebagai bahasa pengantar, yang tidak hanya melambangkan identiti kebangsaan tetapi juga menjadi alat untuk perpaduan dan pembangunan negara. Melalui pelaksanaan Bahasa Melayu dalam pendidikan, negara ini berupaya menolak pengaruh penjajah yang telah memperkenalkan

sistem pendidikan sekular dan memisahkan masyarakat berdasarkan etnik. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam pendidikan bertujuan melahirkan insan yang berilmu, adil, dan berperikemanusiaan, selari dengan aspirasi untuk membangunkan masyarakat yang seimbang dan bersepada. Selain itu, ia membantu memastikan kesinambungan bahasa dan budaya Melayu dalam kalangan generasi muda, sekaligus mengukuhkan semangat nasionalisme dan memperkasakan jati diri bangsa.

Selanjutnya, bahasa Inggeris juga menjadi bahasa pilihan dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu berumur 22 (semester 4) dan 23 tahun (semester 6) di USM kerana dalam domain pendidikan mereka perlu berkomunikasi dengan pelajar antarabangsa, khususnya pelajar dari negara China. Penggunaan bahasa Inggeris dapat membantu keberkesanan komunikasi antara mereka apabila perlu berbincang dengan pelajar dari negara China yang tidak mampu bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik. Pemilihan dialek-dialek Melayu yang digunakan berselang-seli dengan bahasa Melayu disebabkan faktor keakraban antara seseorang mahasiswa tersebut terutama dalam kerja berkumpulan yang melibatkan mereka yang berasal dari negeri yang sama. Ini sejajar dengan pandangan Zulkifley Hamid, Harun Karim dan Saadiah Ma'aliq (2000) bahawa penggunaan bahasa kedua seseorang pengguna bahasa seharusnya telah menguasai bahasa pertama dengan kukuh terlebih dahulu. Apabila bahasa pertama sudah kukuh, barulah proses penerimaan bahasa kedua dapat dipelajari dengan baik.

Di samping memartabatkan bahasa Melayu, kepentingan bahasa Inggeris juga perlu diberi perhatian. Nurul Haerani Mohamad, Badaruddin Ibrahim, dan Asri Selamat (2019) mencadangkan bahawa sistem pengurusan latihan dan pendidikan di Malaysia harus ditingkatkan untuk memperkuuhkan penerapan kemahiran komunikasi bahasa Inggeris. Mereka berpendapat bahawa program pendidikan dan latihan perlu lebih komprehensif dan fleksibel, dengan penekanan pada pembelajaran bahasa Inggeris yang bersifat global. Ini penting untuk memastikan graduan Malaysia bukan sahaja memartabatkan bahasa Melayu tetapi juga mampu memenuhi keperluan industri yang menekankan kemahiran komunikasi dalam bahasa Inggeris.

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, mahasiswa major bahasa Melayu yang berumur 22 tahun (semester 4) dan 23 tahun (semester 6) yang belajar di USM berupaya memilih bahasa yang bersesuaian berdasarkan konteks rasmi atau tidak rasmi. Dapatkan ini menunjukkan bahawa kelompok pelajar yang belajar di USM akan memastikan diri mereka menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa utama ketika dalam domain pendidikan. Di samping itu, kelompok ini juga memilih dialek-dialek Melayu dalam domain pendidikan terutama ketika menyiapkan tugas dalam kumpulan yang berasal dari negeri yang sama. Penggunaan dialek-dialek ini kerana keselesaan dan keakraban antara ahli kumpulan. Keselesaan antara ahli kumpulan melalui pilihan bahasa yang bersesuaian semestinya untuk mencapai matlamat kumpulan, iaitu untuk memastikan setiap tugas yang diberikan oleh pensyarah dapat dilaksanakan dengan baik. Walau bagaimanapun, ketika pulang ke kampung halaman masing-masing, pemilihan dialek-dialek Melayu menjadi pilihan dalam domain keluarga. Hal ini menunjukkan bahawa dialek-dialek Melayu masih digunakan dan dipertahankan dalam kalangan mahasiswa major bahasa Melayu di USM khususnya dalam domain keluarga.

Pembelajaran dalam kursus sosiolinguistik dalam domain pendidikan yang diikuti oleh responden kajian sedikit sebanyak meningkatkan kefahaman pelajar terhadap perihal pentingnya usaha pelestarian dialek negeri masing-masing khususnya dalam domain keluarga. Hal ini demikian kerana, jika dialek negeri tidak dilestarikan dalam domain keluarga khususnya, potensi kepunahan sesuatu dialek itu akan berlaku. Untuk kajian masa hadapan, penting untuk mengkaji lebih lanjut bagaimana faktor sosial dan budaya mempengaruhi pilihan bahasa dalam situasi di luar domain keluarga. Penyelidikan yang mendalam tentang strategi pelestarian bahasa juga diperlukan, termasuk program pendidikan yang dapat meningkatkan penggunaan dialek dalam kalangan generasi muda. Kajian yang menilai perubahan penggunaan bahasa dari masa ke masa akan memberikan gambaran lebih jelas tentang bagaimana faktor globalisasi mempengaruhi pelestarian dialek. Kajian ini terhad kepada mahasiswa di USM berumur 22 hingga 23 tahun, jadi ia mungkin tidak menggambarkan pandangan pelajar dari latar belakang atau bidang lain. Selain itu, data yang dikumpul melalui temubual dan soal selidik mungkin tidak sepenuhnya mewakili keseluruhan populasi. Kajian masa hadapan perlu mengambil kira faktor-faktor ini untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang penggunaan bahasa dan dialek dalam pelbagai konteks.

PENGHARGAAN

Kajian ini disokong oleh Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2023/SS109/USM/02/2), Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisyiharkan tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Mohd Khairul Abdul Wahab (Pengutipan data, Pengenalan, Sorotan kajian, Metodologi, Analisis Data, Kesimpulan)

Dicky Wiwitan Toto Ngadiman (Analisis data)

RUJUKAN

Alis Puteh. (2015). *Kelangsungan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Alisaari, J., Sissonen, S., & Heikkola, L. M. (2021). Teachers' beliefs related to language choice in immigrant students' homes. *Teaching and Teacher Education*, 103, 103347. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2021.103347>
- Ammar Asyraf Mansor, & Sa'adiah Ma'alip. (2020). Sikap Bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Singapura. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1–17.
- Astuti, L. (2021). Language attitude and language choice on English by the second-year students of English education study program of Palangka Raya University. *Ebony: Journal of English Language Teaching, Linguistics, and Literature*, 1(1), 60–66. <https://doi.org/10.37304/ebony.v1i1.3103>
- Azizi Ahmad, & Mohd Isha Awang. (2008). *Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Dk Zainab Pg Tuah, Baharudin Arus, & Ismail Ibrahim. (2016). *Menguasai SPSS Dengan Mudah*. UNISSA Press.
- Berawati Renddan, Adi Yasran Abdul Aziz, Hasnah Mohamad, H., & Sharil Nizam Sha'ri. (2020). Domain dan bahasa pilihan tiga generasi etnik Bajau Sama Kota Belud. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7), 96–107. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i7.448>
- Bourdieu, P. (1991). *Language and symbolic power*. Harvard University Press.
- Chew, F. P. (2018). Sikap bahasa Melayu dalam kalangan siswa/i China. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 1–11.
- Dilah Tuah, Chong Shin, Remmy Gedat, & Mohammed Azlan Mis. (2021). Pemilihan bahasa dalam kalangan etnik minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu Penelitian awal. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(2), 177–195.
- Edwards, J. (1994). *Multilingualism*. Routledge.
- Fishman, J. A. (1972). *The sociology of language*. Newbury House.
- Gardner, R. C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. Edward Arnold.
- Granhemat, M. (2015). *Language choice and use among undergraduates at a Malaysian public university*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Gumperz, J. J. (1982). *Discourse strategies*. Cambridge University Press.
- Harris, R. (2006). *New ethnicities and language use*. Palgrave Macmillan.
- Hoh, S. K. (2011). *Sikap dan Pemilihan Bahasa Kaum Cina di Malaysia*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Malaysia.
- Holmes, J. (1996). *An introduction to sociolinguistics* (2nd ed.). Longman Malaysia.
- Jacobs, G. M., & Renandya, W. A. (2021). Expanding students' choices in language education. *Journal of Modern Languages*, 31(2), 1–18. <https://doi.org/10.22452/jml.vol31no2.1>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025: Prasekolah - Lepas menengah*. Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/PPPM/Pelan%20Pembangunan%20Pendidikan%202013%20-%202025%20Prasekolah%20-%20Lepas%20Menengah.pdf>
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. (2023, June 15). *Kenyataan media: Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di institusi pendidikan tinggi awam*. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. <https://www.mohe.gov.my/hebahan/kenyataan-media/kenyataan-media-memartabatkan-bahasa-melayu-sebagai-bahasa-ilmu-di-institusi-pendidikan-tinggi-awam-pdf>
- Khairul Nizam Mohamed Zuki. (2017). Penerimaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 6(10), 1–11.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Liang, Y., Chen, Q., & Li, Y. (2024). 'We are not the same but feel like we are the same group': International students' language choice and identity construction at a Chinese university. *Language and Intercultural Communication*, 24(6), 601–616. <https://doi.org/10.1080/14708477.2024.2307590>
- Lien, T.T.T. (2024). Language choice in EFL classrooms: A case study on students' perspective. *International Journal of Language and Education Research*, 6(1), 34–53. <https://doi.org/10.29329/ijler.2024.661.3>
- Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz. (2019). Peranan bahasa Melayu kolokial dalam mengimbangi kesan bilingualisme di Singapura. *Jurnal Bahasa*, 19(1), 1–16. [https://doi.org/10.37052/jb19\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jb19(1)no1)
- Mohammed Azlan Mis. (2010). Lingua franca di Sarawak: Aplikasi teori pilihan bahasa. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(2), 97–116.
- Mohammed Azlan Mis. (2011). *Analisis pilihan bahasa sebagai lingua franca di Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Malaysia.
- Mohammed Azlan Mis., & Nur Syafiqah Muhammad Situl. (2022). Pemilihan bahasa dalam situasi rasmi di pejabat kerajaan. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 22(2), 213–235. <https://doi.org/10.17576/gema-2022-2203-12>
- Mohd Khairid Abdul Wahab. (2023). Sikap bahasa dan pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam di wilayah utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Melayu*, 22(2), 22–52.

- Nurul Haerani Mohamad, Badaruddin Ibrahim & Asri Selamat. (2019). Penerapan kemahiran komunikasi bahasa Inggeris menerusi kursus badan beruniform PALAPES UTHM. *Online Journal for TVET Practitioners*, 4(2), 58–71.
- Parasher, S. N. (1980). Mother-tongue-English diglossia: A case study of educated Indian bilinguals' language use. *Anthropological Linguistics*, 22(4), 151–168.
- Roscoe, J. T. (1975). *Fundamental research statistics for the behavioural sciences* (2nd ed.). Holt Rinehart & Winston.
- Ruiz, R. (1984). Orientations in language planning. *NABE Journal*, 8(2), 15–34. <https://doi.org/10.1080/08855072.1984.10668464>
- Sa'adiah Ma'alip. (1996). Sikap bahasa pelajar di Britain terhadap bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di Britain. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Tahunan Ke-3 Jabatan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Sa'adiah Ma'alip. (1999). Bahasa Melayu dan pekerja asing di sektor perkilangan: Pemerhatian terhadap penerimaan dan sikap bahasa mereka. *Jurnal Dewan Bahasa*, 43, 1004–1018.
- Saidatul Nornis Mahali, Aishah Tamby Omar, & Wong Mee Mee. (2022). Domain and pemilihan bahasa generasi muda Murut di daerah Keningau, Sabah. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 22(3), 119–138.
- Spolsky, B. (2004). *Language policy*. Cambridge University Press.
- Tajfel, H., & Turner, J. C. (1986). The social identity theory of intergroup behavior. In S. Worchel & W. G. Austin (Eds.), *Psychology of intergroup relations* (pp. 7–24). Nelson-Hall.
- Tam Lee Mei, Ain Nadzimah Abdullah, Chan Swee Heng & Zalina Mohd Kasim. (2016). Language choice and use of Malaysian public university lecturers in the education domain. *Advances in Language and Literary Studies*, 7(1), 21–32. <https://doi.org/10.7575/aiac.allsv.7n.1p.21>
- Tan, H. A., & Tan, T. L. (2021). Sikap dan persepsi terhadap pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing di Universiti Teknikal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 450–460.
- Widad Abdul Ghafar. (2017). *Language choice and identity of tertiary level Malay ESL learners*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Malaysia.
- Zulkifley Hamid, Harun Karim, & Saadiah Ma'alip. (2000). Tahap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44(1), 1–15